

30/05/2001

Debaran politik Myanmar berdetik lagi

Dzulkfley Zanudin

LAWATAN terbaru perutusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail dari 1 ke 4 Jun ini ke Yangon diharap memberikan nafas baru dalam usaha menyambung semula rundingan antara junta tentera dan pemimpin demokrasi yang disokong Barat, Aung San Suu Kyi.

Perkembangan itu yang berlaku pada saat getir dalam rundingan dialog sejak lapan bulan lalu antara kedua-dua pihak dinanti-nantikan oleh banyak pihak bagi melihat penyelesaian dalam isu itu yang berpanjangan sejak 1990.

Selama ini, banyak pihak, terutama Barat memperkecilkan kesungguhan junta tentera di Myanmar untuk mengembalikan negara mereka ke landasan diplomatik antarabangsa selepas sekian lama diketepikan dan dicemuh, konon membunuh demokrasi di negara yang pernah menjadi "abang besar" kepada kebanyakan negara di Asia Tenggara selepas mencapai kemerdekaan daripada Britain pada 1948.

Junta tentera berkata ia komited untuk memulihkan sepenuhnya demokrasi yang sesuai untuk rakyat Myanmar, tetapi berkata negara itu boleh hancur jika proses itu berjalan terlalu pantas.

Sejak merdeka lagi, kerajaan Yangon terpaksa berdepan pelbagai masalah untuk menegakkan keamanan dan kesejahteraan berikutan penentangan bersenjata oleh pelbagai etnik di negara itu yang melembapkan pembangunan dan demokrasi di negara anggota Asean itu.

Hanya sejak sedekad lalu, sinar demokrasi dan keamanan kembali muncul dengan 17 daripada 18 kumpulan etnik bersenjata itu meletakkan senjata dan berdamai dengan kerajaan, terutama kumpulan beroperasi di kawasan Segi Tiga Emas Dadah.

Difahamkan, Razali, bekas perwakilan tetap Malaysia ke PBB besar kemungkinan akan menemui Suu Kyi dalam usaha diplomatiknya terbaru ke negara itu yang sering disalah erti masyarakat luar, terutama Barat, malah jirannya selama ini.

Diplomat Malaysia itu diberikan lampu hijau untuk mengadakan kunjungannya yang keempat itu ke Myanmar selepas berbulan-bulan ditangguhkan yang menimbulkan kebimbangan mengenai masa depan pembaharuan politik yang diharapkan dunia luar, terutama Barat di negara ditadbir Majlis Keamanan Negara dan Pembangunan (SPDC) itu.

Razali yang mengusahakan rundingan bersejarah antara Suu Kyi dan junta tentera yang bermula Oktober lalu, kali terakhir melawat Myanmar, Januari lalu ketika dialog itu memasuki peringkat pembuat keputusan yang getir.

Beliau hanya mengumumkan perkembangan rundingan itu Januari lalu selepas beliau sekali lagi melawat Myanmar serta menemui Suu Kyi dan pemimpin SPDC.

Sejak itu, tidak banyak berita diketahui mengenai hasil proses rundingan itu. Namun, bulan lalu, kerajaan Yangon menafikan rundingan itu terbantut dan Menteri Luar, Win Aung berkata rundingan tidak seharus diheboh-hebohkan untuk memuaskan hati Barat. Minggu lalu, kerajaan itu menafikan Razali dilarang masuk ke Myanmar.

Selama ini, Barat kerap menghentam junta itu kononnya kerana enggan menyerahkan kuasa kepada Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), pimpinan Suu Kyi, yang memenangi pilihan raya umum 1990.

Sebaliknya, anggotanya didakwa dikenakan tekanan dan ditahan. Suu Kyi sendiri dikenakan tahanan rumah sejak 22 September lalu ketika cuba melanggar larangan keluar dari Yangon.

Sehingga Oktober tahun lalu, SPDC berulang kali enggan berunding dengan pembangkang jika Suu Kyi mengambil bahagian. Perubahan sikap hasil usaha diplomat Malaysia itu, selain Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kerap merujuk kes Myanmar sebagai sebuah negara yang "sering disalah-ertikan."

Myanmar, yang sebelum ini dikenali sebagai Burma, diperintah secara berterusan oleh tentera sejak 1962. Kumpulan jeneral yang memerintah sekarang mengambil alih kuasa sejak 1988, selepas mematahkan tunjuk perasaan di seluruh negara. NLD ditubuhkan dua minggu selepas itu.

Sumber rapat dengan rundingan yang dijalankan secara rahsia itu awal bulan ini berkata proses itu terhenti berikutan pihak berlainan pendapat dalam junta memulakan rintangan kepada prospek mewujudkan pembaharuan secara lebih meluas.

Namun, kedua-dua pihak sejak awal lagi sepakat untuk tidak menghebohkan sebarang perkembangan dan hasil rundingan yang dijalankan sejak Oktober lalu, sebaliknya mahu ia dirahsiakan bagi mengelak sebarang usaha cuba dipolitikkan pihak luar, terutama Barat yang sering mencari salah junta tentera selama ini.

Menurut sumber di Yangon, kali terakhir Suu Kyi mengadakan pertemuan 17 Mei lalu dengan Timbalan Pengarah Direktorat Perkhidmatan Perisikan Pertahanan, Mejar Jeneral Kyaw Win.

Difahamkan, pertemuan itu adalah yang keempat tahun ini antara Suu Kyi dan Kyaw Win, yang mewakili SPDC dalam rundingan itu.

Diplomat asing di Yangon berkata masih terlalu awal untuk mengetahui sama ada keputusan junta untuk membenarkan Razali ke negara itu satu petanda proses penyatuan kebangsaan kembali menuju matlamatnya.

Namun, mereka beranggapan perkembangan itu satu petanda baik tetapi semua pihak perlu melihat jenis maklum balas yang diterimanya apabila Razali ke sana nanti.

Kunjungan Razali berakhir sehari sebelum Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bermesyuarat serta dijangka mengutuk rekod junta Yangon mengenai buruh paksa.

November lalu, badan pentadbir ILO mengeluarkan seruan yang perlu dibuat sebelum ini kepada ahlinya agar mengkaji semula hubungan mereka dengan Myanmar, satu langkah bertujuan mengetatkan beban sekatan yang bertujuan melumpuhkan ekonomi negara itu, namun tidak begitu berkesan, berikutan kegiatan ekonomi harian masih berjalan seperti biasa, walaupun tidak terlalu rancak.

Kerana kesal dengan tindakan itu, junta menghentam balik dengan mengisytiharkan ia akan "menghentikan kerjasama" dengan ILO, sambil menyatakan satu misi teknikal yang melawat Oktober lalu tidak dibenarkan masuk semula.

Bagaimanapun, sepasukan empat pegawai diketuai Francis Maupain dari Perancis dibenarkan ke Yangon minggu lalu untuk berunding satu perjanjian bagi menghapuskan buruh paksa dengan junta berkenaan, seperti disahkan ILO, Rabu lalu.

Pasukan itu dibenarkan melawat antara 17 dan 19 Mei bagi berunding teks satu perjanjian yang mana kerajaan tentera akan mengawasi secara bebas penghapusan buruh paksa.

Berikutan lawatan ILO ke Myanmar, Oktober lalu, menteri dalam negerinya mengeluarkan arahan mengharamkan buruh paksa sebelum disokong menerusi arahan tentera, sebulan kemudian.

Namun, ILO menganggap langkah itu belum memadai dan sukar untuk disahkan, serta menyarankan anggotanya menimbang semula hubungan masing-masing dengan Yangon.

Kerajaan Yangon segera membalas bahawa ia akan berhenti berkerjasama dengan ILO, menerusi satu perisytiharan misi pengawasan dilarang datang

semula ke negara itu.

Jika ia dapat meyakinkan ILO dan kerajaan asing ia sedia menyelesaikan isu buruh paksaan dan mengambil langkah pembaharuan ke arah, kerajaan tentera mungkin dapat menamatkan sekatan dan mula membangunkan ekonominya itu.

Satu laporan berhubung perjanjian itu yang dicapai bulan in di Yangon akan dikemukakan kepada perhimpunan agung ILO di Geneva, Jun depan.

Hubungan yang diperbaharui dengan ILO satu lagi petanda satu anjakan politik memang berlaku di Myanmar, serta junta bersedia untuk mengambil beberapa langkah berani bagi membaiki hubungannya dengan masyarakat antarabangsa.

Seorang pegawai ILO di Bangkok berkata misi itu besar kemungkinan kembali ke Yangon dalam tempoh beberapa bulan lagi untuk melaksanakan garis panduan yang dibentuk ketika lawatan itu, bulan ini bagi dijadikan terma rujukan.

Pegawai ILO di Geneva pula dilaporkan berkata, kerajaan Yangon akan membenarkan pertubuhan itu melakukan siasatan secara bebas terhadap usaha kerajaan bagi menamatkan dakwaan berlaku kegiatan buruh paksaan di negara itu.

Persekutuan Kesatuan Sekerja Antarabangsa (ICFTU), yang menghubungkan lebih 221 kesatuan sekerja di 148 negara, tahun lalu mendakwa hampir satu juga orang menjadi buruh paksa di Myanmar, terutama membina jalan, landasan kereta api dan kemudahan tentera.

Tentera dituduh pesalah utama kerana amalannya menggunakan penduduk kampung, terutama minoriti etnik sebagai pengangkut barangan. Namun, kita semua perlu faham, disebabkan peluang pekerjaan terhad di Myanmar, ramai penduduk, termasuk kanak-kanak mencari rezeki dengan menawarkan kudrat empat kerat bagi menampung hidup masing-masing, serta tetap bersyukur dengan gaji bulanan yang rendah. Purata seorang pekerja di Myanmar menerima antara RM50 dan RM150 sebulan.

Jadi persoalannya di sini, ILO dan Barat sentiasa cuba mengaitkan isu buruh paksa, tekanan ke atas perjuangan demokrasi, isu dadah dan masalah etnik bagi menekan kerajaan Yangon dengan agenda masing-masing yang tersendiri.

Padahal, dalam isu buruh, misalnya, boleh dikatakan kerana memberi tumpuan dan kepentingan kepada pendidikan sejak dari bangku sekolah rendah ke peringkat pengajian tinggi, terutama dalam bidang pendidikan, teknikal dan perubatan, boleh dikatakan mutu pendidikan di Myanmar agak tinggi, dengan berlatar belakang sistem pendidikan Inggeris yang menjajahnya selama 100 tahun.

Mengikut perangkaan 1998/1999, penduduk Myanmar ketika itu adalah 47.25 juta. Daripada jumlah itu, 33.3 peratus bawah 14 tahun, 59 peratus antara 15 dan 59 tahun dan 7.65 peratus lebih 60 tahun.

Myanmar mempunyai kadar celik huruf yang tinggi, jadi tenaga buruhnya agak terlatih. Setiap tahun, lebih 30,000 pelajar lulus dari sekolah dan institusi pengajian tinggi, dan kira-kira 80,000 pelatih sekolah latihan vokasional. Kebanyakannya fasih berbahasa Myanmar dan Inggeris yang dijadikan bahasa wajib di sekolah bagi memudahkan mereka memasuki pasaran kerja tempatan dan asing.

Hanya disebabkan Myanmar sebagai negara berani, mempunyai jati diri sendiri serta dianggap "negara degil" dan tidak mudah mengikut telunjuk asing, seperti dialami Cuba, Iraq, Korea Selatan dan Iran, ia kerap cuba dibuli Barat, terutama Amerika Syarikat dan konconya lain yang mempunyai kepentingan dan agenda sendiri.

Ini kerana Myanmar sebenarnya sebuah negara kaya, terutama sumber asli, hutan balak, ikan, galian dan budaya, selain kedudukannya yang strategik antara dua gergasi Asia, iaitu China dan India, pastinya mempunyai

kepentingan kepada negara yang cuba mengambil kesempatan daripada keadaan dan kedudukannya itu.

Hanya negara sahabatnya dalam Asean, khususnya Malaysia, selain China banyak menegakkan suara keadilan untuk membolehkan Myanmar diterima dengan ikhlas dan sepenuhnya oleh masyarakat antarabangsa, terutama Barat. Oleh itu, hanya Myanmar berhak menyelesaikan sendiri segala "masalah dalamannya" itu.

(END)